

15/06/2000

Perodua unjur jual 12,000 unit Kenari

Badrila Jamlus

PERUSAHAAN Otomobil Kedua Sdn Bhd (Perodua) mengunjurkan jualan sebanyak 12,000 unit setahun bagi model terbarunya, Perodua Kenari berkuasa 1,000 cc yang berkonsepkan kenderaan pelbagai guna (MPV) mini.

Pengenalan model keempat pada alaf baru ini boleh dianggap pelengkap kepada Perodua yang sebelum ini sudah mengeluarkan kereta penumpang (Kancil), van (Rusa) dan model Kembara iaitu kenderaan pacuan empat roda (4x4).

Berikutan itu juga, Perodua turut mensasarkan penguasaan kira-kira 30 peratus pasaran kereta tempatan dengan jualan antara 108,000 hingga 110,000 unit pelbagai model Perodua tahun ini berbanding 82,951 unit tahun lalu.

Model Kenari adalah MPV mini pertama negara yang dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), semalam.

Pengarah Urusan Perodua, Datuk Ab Rahman Omar, berkata pembangunan model Kenari bermula tahun lalu, termasuk dalam pelan rancangan lima tahun Perodua yang mahu mempelbagai jenis model untuk pilihan rakyat Malaysia.

Beliau berkata, walaupun Kenari belum berada di pasaran tetapi sudah menerima tempahan 389 unit sejak ia mula dibuka untuk tempahan pada 1 Jun lalu termasuk lima tempahan melalui e-shoppe iaitu laman web Perodua.

"Kira-kira 10 hingga 15 peratus pembeli Kenari adalah pengguna asal kereta Perodua dan ini membuktikan keyakinan orang ramai terhadap kereta keluaran Perodua yang mula diperkenalkan di pasaran dengan model Kancil pada Ogos 1994," katanya pada sidang akhbar selepas majlis pratonton dan pandu uji model Perodua Kenari di litar lumba Batu Tiga, Shah Alam, Selangor baru-baru ini.

Perodua ketika ini mempunyai keupayaan mengeluarkan antara 1,600 hingga 2,000 unit Kenari sebulan manakala 1,200 unit sudah tersedia untuk ditempah dan dihantar kepada penganjur serta pembeli.

"Bagaimanapun, kami mungkin menghadapi sedikit masalah dari segi keupayaan pengeluaran model Kenari jika ia mendapat permintaan tinggi kerana Perodua ketika ini sudah beroperasi pada tahap 97 peratus daripada keupayaannya," katanya.

Beliau berkata, ketika ini Perodua mempunyai keupayaan keluaran 120,000 unit setahun dan sudah memperuntukkan perbelanjaan modal sebanyak RM420 juta tahun ini bagi mempertingkatkan keupayaannya sehingga 150,000 unit setahun.

Beliau berharap pendaftaran bagi semua kereta yang sudah ditempah sebelum pelancaran boleh dihantar terus kepada pembeli secepat mungkin.

Perodua Kenari ditawarkan dalam tiga versi iaitu 1 liter standard (EX), 1 liter deluxe (GX) yang menggunakan transmisi manual lima kelajuan dan 1 liter automatik (EZ).

Ketiga-tiga versi model itu didatangkan pada harga yang berdaya saing iaitu antara RM37,000 hingga RM42,000 seunit dengan pilihan warna metalik seperti emas Milenia, ungu Prisma, biru Harmoni dan putih Kristal.

Dengan berkonsepkan 'Inilah Kebebasan', model Kenari menawarkan ruang dalaman yang luas dan selamat dipandu tanpa meninggalkan ciri sebuah kereta yang eksklusif serta sesuai dimiliki oleh mereka yang sudah berkeluarga.

Kenari dibangunkan berasaskan model Daihatsu Move yang reka bentuknya secara keseluruhan agak tinggi seakan sebuah model MPV mini keluaran

Hyundai Atos dari Korea yang sudah berada di pasaran sejak Oktober tahun lalu.

Bahagian belakang Perodua Kenari pula lebih bergaya dengan lampu belakang gaya model Fiat Punto dari Itali manakala kerusi belakangnya boleh dilipat bagi memberi ruang bagasi yang lebih luas.

Sementara itu, mengenai pasaran eksport, Ab Rahman berkata model Kenari akan mula dieksport ke United Kingdom (UK) pada September ini bagi menggantikan model Kancil yang tidak boleh lagi memasuki pasaran negara itu disebabkan tidak memenuhi syarat terbaru piawaian ujian pelanggaran keselamatan Euro 2 1998.

Beliau menjangka kira-kira 500 unit Kenari akan dieksport ke UK pada tahun ini yang akan mula diperkenalkan buat pertama kalinya pada pameran Kereta di Birmingham, UK.